

Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand diraikan



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud (empat, kanan) dan datin hadir pada Majlis Makan Malam Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand (kiri). Sementara gambar atas, Pemerintah ABDB (kiri) menerima cenderamata daripada Atase Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand, Kedutaan Thailand di Negara Brunei Darussalam, Kolonel Nopadej Pansri.

Berita dan Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim

JERUDONG, Jumaat, 1 Februari. - Negara Brunei Darussalam dan Thailand sememangnya mempunyai hubungan yang rapat dalam setiap aspek, baik di peringkat dua hala mahupun di bawah rangka kerja ASEAN.

Atase Pertahanan, Angkatan Tentera Diraja Thailand, Kedutaan Thailand di Negara Brunei

Darussalam, Kolonel Nopadej Pansri menyatakan perkara tersebut semasa berucap pada Majlis Makan Malam Resepsi sempena Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand tahun ini yang diselenggarakan oleh Kedutaan Thailand di negara ini, berlangsung di The Empire Hotel & Country Club, di sini.

Jelasnya, angkatan tentera dari kedua-dua negara saling menjalankan pertukaran latihan dalam peringkat tertinggi mahupun antara pegawai staf dan kadet tentera.

Terdahulu, Kolonel Nopadej Pansri menjelaskan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand yang disambut setiap 18 Januari setiap tahun adalah untuk memperingati keberanian dan kepimpinan Raja Naresuan (King Naresuan The

Great) yang berjuang untuk kebebasan dan perpaduan kerajaan Thailand pada 428 tahun yang lalu.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis itu ialah Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Pengiran Dato Paduka Seri Aminan bin Pengiran Haji Mahmud dan datin.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Thailand ke Negara

Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Wanthanee Viputwongsakul, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan dan pegawai-pegawai kerajaan dari kedua buah negara.

Majlis resepsi dimulakan dengan nyanyian lagu kebangsaan kedua-dua buah negara dan berakhir dengan upacara memotong kek bersempena dengan Hari Angkatan Tentera Diraja Thailand.

Duta Rusia terima kunjungan mahasiswa Dagestan



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos (lima, kiri) ketika menerima kunjungan seramai enam mahasiswa dari Islamic University of the Republic of Dagestan yang berada di negara ini bagi mengikuti program Bahasa Inggeris di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA). Juga hadir dalam kunjungan tersebut ialah para pegawai dari UNISSA. Kunjungan berlangsung di Kedutaan Persekutuan Rusia di sini.

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 1 Februari. - Seramai enam mahasiswa dari Islamic University of the Republic of Dagestan yang berada di negara ini bagi mengikuti program Bahasa Inggeris di Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) telah mengadakan lawatan ke Kedutaan Persekutuan Rusia, di sini.

Pada lawatan itu, mahasiswa tersebut mengadakan pertemuan bersama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Persekutuan Rusia ke

Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos.

Menurut Tuan Yang Terutama Vladlen Stanislavovich Semivolos, hubungan antara Persekutuan Rusia dan Negara Brunei Darussalam telah pun berkembang dalam pelbagai bidang terutama dalam bidang pendidikan dan pihaknya akan terus berusaha untuk terus memperkembangkan lagi hubungan berkenaan ke tahap yang

baharu.

Tuan Yang Terutama menambah, di bawah penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara UNISSA dan Islamic University of the Republic of Dagestan, beliau berharap akan ada pertukaran pelajar dua hala antara kedua buah universiti tersebut.

Jelas TYT, kerjasama tersebut diharap akan membantu untuk meningkatkan interaksi masyarakat Islam di kedua-dua buah negara.

TYT juga menyentuh mengenai kerjasama yang telah terjalin antara Persekutuan Rusia dan

negara ini termasuk melalui perjanjian pertukaran pelajar di bidang pendidikan; lawatan delegasi yang diketuai oleh Timbalan Mufti Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Rushan Abbyasov ke negara ini pada tahun lepas dan pameran foto "Traditions of Islam in Russia".

Salah seorang mahasiswa tersebut, Shamil Omarov mengongsikan pengalaman beliau berada di negara ini buat pertama kali di mana beliau berasa gembira dengan keramahan dan kebaikan rakyat dan penduduk di negara ini.

Beliau berharap, program yang

mereka jalani akan dapat meningkatkan lagi kemahiran Bahasa Inggeris mereka sehingga tahap yang lebih baik.

Sementara itu, Saldov Muhammad berharap mereka dapat memimba pengalaman berharga di negara ini dan meninggalkan kenangan yang baik kepada orang-orang tempatan apabila mereka pulang nanti.

Mahasiswa berkenaan akan berada di negara ini selama kira-kira setahun di mana mereka juga akan mempelajari kehidupan masyarakat di Negara Brunei Darussalam melalui subjek Brunei Studies.